



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

Ruj. kami: IPK.Sel.Pent.100-10/4/2

Jld.4 (9)

Tarikh : ~~28~~ Rajab 1441H

17 Mac 2020

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan Badan – Badan Berkanun dan Anak – Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha/Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YB Dato'/YAD Dato' Setia/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/YBhg. Datin Paduka/Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERKAITAN PENULARAN WABAK COVID-19 PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan hormatnya saya memohon perhatian YB Dato'/YAD Dato' Setia/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/YBhg. Datin Paduka/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Selaras dengan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19 pada 16 Mac 2020 (Isnin) dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 10/2020 (Khas) pada 17 Mac 2020 (Selasa) berikutan Langkah Perintah Kawalan Pergerakan, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan kawalan seperti berikut:

- 2.1 Pegawai dan kakitangan diberi pelepasan untuk bekerja dari rumah sepanjang tempoh 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 dan perlu **bersedia untuk dipanggil pada bila-bila masa (standby-mode) serta sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.** Ketua Jabatan boleh mengeluarkan surat kepada pegawai yang perlu hadir ke pejabat sekiranya diperlukan seperti di **Lampiran A.**
- 2.2 Pegawai dan kakitangan perlu **memaklumkan dan mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan sekiranya merentas sempadan negeri.**

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERKAITAN PENULARAN WABAK COVID-19 PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

3. Pada masa yang sama, bagi memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, pentadbiran kerajaan negeri mengambil inisiatif untuk melaksanakan langkah – langkah proaktif seperti berikut:

- 3.1 Semua urusan rasmi berkaitan dengan Pejabat YAB Dato' Menteri Besar, Pejabat Y.B Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta semua Jabatan dan agensi akan dilaksanakan secara atas talian melalui emel rasmi seperti di **Lampiran B**.
- 3.2 Semua Pejabat Daerah/ Tanah hendaklah mengaktifkan Bilik Gerakan Keselamatan Daerah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang diselaraskan oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor.
- 3.3 Ketua Jabatan hendaklah memastikan perkhidmatan / skop tugas yang disenaraikan perlu dilaksanakan dalam tempoh kawalan pergerakan ini seperti berikut:
 - i. Penguatkuasaan / keselamatan / Skwad Pantas PBT (sentiasa dalam keadaan bersedia di pejabat)
 - ii. Unit Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah;
 - iii. Kewangan / hasil;
 - iv. Operator pusat panggilan (*call center*);
 - v. Kebersihan / penyelenggaraan (bangunan, jalan);
 - vi. Pengurusan sisa pepejal;
 - vii. Pengurusan teknologi maklumat; dan
 - viii. Mana – mana skop perkhidmatan kritikal yang lain dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
- 3.4 Semua kaunter perkhidmatan hendaklah ditutup dan urusan secara terus dengan orang awam hendaklah dielakkan. Oleh yang demikian, Jabatan hendaklah melaksanakan perkhidmatan secara atas talian (*online*) bagi mengurangkan pergerakan dan sentiasa mengamalkan penjarakkan sosial (*social distancing*).
- 3.5 Kehadiran di pejabat hanya terhad kepada tujuan – tujuan tertentu yang kritikal untuk masa – masa tertentu sahaja dan digalakkan dibuat secara penggiliran. Bagi tugas yang perlu disegerakan, pegawai dan kakitangan dibenarkan untuk ke pejabat dan pulang setelah selesai tugas.
- 3.6 Pegawai – pegawai dibenarkan untuk membawa pulang dokumen – dokumen yang **bukan dikategorikan sebagai dokumen terperingkat mengikut tatacara yang sedang berkuat kuasa**.

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERKAITAN PENULARAN WABAK COVID-19 PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

- 3.7 Ketua Jabatan hendaklah memastikan pergerakan masuk dan keluar ke premis masing – masing adalah minimum dengan hanya membenarkan satu pintu kawalan sahaja.
 - 3.8 Semua projek – projek fizikal dan lawatan tapak yang tidak kritikal perlu ditangguhkan sehingga perintah ini terbatal. Perancangan dan urusan berkaitan perolehan projek – projek tersebut juga ditangguhkan.
 - 3.9 Bagi pegawai dan kakitangan lantikan *Contract For Service (CfS)* atau Pekerja Sambilan Harian (PSH), pembayaran gaji dan elaun adalah tidak terjejas.
 - 3.10 Tiada tuntutan kerja lebih masa dibenarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
 - 3.11 Penjawat awam yang didapati ingkar dengan arahan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.
4. Semua gerai – gerai makanan / penjaja tidak dibenarkan beroperasi. Walau bagaimanapun, premis makanan boleh beroperasi tetapi terhad kepada perkhidmatan pembungkusan atau penghantaran makanan sahaja.
5. Semua pasar pagi, pasar malam, dan pasar terbuka tidak dibenarkan beroperasi. Namun, pasar awam, pasar raya, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian adalah dibenarkan beroperasi.
6. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah tertakluk kepada perubahan daripada semasa ke semasa. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung perkara ini hendaklah dirujuk terus kepada Pusat Pengurusan Operasi Negara di talian hotline 03-88882010.

Segala kerjasama bagi memastikan penularan wabak ini dapat dibendung adalah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)
D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, P.J.K.